

CIMB beli bank Thailand

Penguasaan 42.13 peratus babitkan pelaburan RM577.4 juta

BH 21/6/08 M/S 28

Oleh Nor Liza Ahmad

KUMPULAN perbankan kedua terbesar negara, CIMB Group mengembangkan penerokannya ke pasaran luar negara dengan membeli 42.13 peratus kepentingan ekuiti dalam bank Thailand, BankThai Public Company Ltd membatik pelaburan 5.905 bilion baht (RM577.4 juta).

Kepentingan itu dibelinya daripada Financial Institution Development Fund (FIDF) selepas proses bidaan yang turut membatik beberapa bank tempatan dan antarabangsa yang turut berminat membeli bank itu kerana ia adalah antara beberapa peluang terakhir bagi menguasai kepentingan kawalan dalam sebuah kumpulan perban-

kan di Thailand.

Perjanjian pembelian itu dimeterainya dengan FIDF di Bangkok semalam. Pada majlis itu, CIMB diwakili Ketua Eksekutif Kumpulannya, Datuk Seri Nazir Razak, manakala FIDF oleh Ketuanya, Khun Thongurai Linpiti.

CIMB menerusi kenyataannya di Kuala Lumpur semalam berkata, apabila pembelian itu selesai, ia akan muncul sebagai pemegang saham tunggal terbesar BankThai.

Susulan itu, katanya, ia akan mengemukakan tawaran am mandatori (MGO) bagi membeli semua baki saham yang belum dimilikinya dalam BankThai, seterusnya melaksanakan penstrukturan modal bank Thailand itu.

Kos bagi pengambilalihan Bank-

Thai itu, katanya, akan menjadi sebanyak RM1.9 bilion jika MGO itu diterima dan dicampur dengan penstrukturan semula modal BankThai yang akan membatik antara RM500 juta hingga RM600 juta.

“Ia akan menjadikan harga pembelian itu pada kira-kira 2.91 kali nilai buku BankThai setakat 31 Mac 2008. Bagaimanapun selepas penstrukturan semula modal dan beberapa pelarasan yang berpotensi, angka itu akan menurun kepada 2.3 kali,” katanya.

BankThai yang beroperasi dengan 147 cawangan adalah bank komersial kesembilan terbesar di Thailand dari segi jumlah aset.

Selain perbankan komersial, ia mempunyai anak syarikat pembrokeran saham, insurans dan pengu-

rusan aset.

Mengikuti kenyataan CIMB itu, ia akan memulakan rundingan dengan TPG bagi kemungkinan bekerjasama atau membeli kepentingannya dalam BankThai. TPG ialah pemegang saham BankThai sejak Januari 2007.

Mengulasnya, Nazir berkata, langkah itu akan memperkukuhkan kehadiran CIMB di pasaran serantau.

“Pembelian kepentingan dalam BankThai ini akan membolehkan CIMB menembusi pasaran perbankan komersial di Thailand menerusi jenama terbukti keupayaannya.

“Menerusi gabungan kumpulan BankThai dan syarikat sekuriti kami, kami akan mempunyai keupayaan perbankan universal menyeluruh dalam pasaran Thailand,” katanya.